

Pengotor penyumbang kes denggi

Berita HARIAN 13 OCT 2010 M/S 7

Tindakan buang sampah ke longkang punca tersumbat, wabak penyakit

SEPANG: Sikap pengotor dan tidak bertanggungjawab segelintir masyarakat di sekitar daerah sini boleh menyumbang kepada peningkatan kes demam denggi.

Ia kerana tindakan orang ramai membuang sampah ke dalam longkang di Jalan Klang-Banting di sini menyebabkan ia tersumbat, kotor dan busuk.

Beberapa peniaga juga mengadu tidak tahan dengan busuk manakala pelanggan mereka merungut.

Tinjauan *Sentral* mendapati keadaan longkang di situ amat teruk kerana dipenuhi sampah sarap termasuk plastik minuman, cebisan kotak, tin kosong dan kayu yang dibuang orang ramai ke dalamnya.

Penduduk, Mohd Farid Firdaus, 33, berkata masalah itu berpunca daripada sikap orang ramai yang tidak prihatin mengenai alam sekitar dan wabak penyakit sehingga mengambil jalan mudah menjadikan longkang dan parit sebagai tempat pembuangan sampah.

"Kes demam denggi juga semakin serius sekarang tetapi itu langsung tidak dija-



LONGKANG di sepanjang Jalan Utama Klang-Banting yang begitu kotor dengan air bertakung dan berbau busuk serta boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk.

dikan pengajaran, mungkin ahli keluarga mereka belum dijangkiti penyakit berkenaan," katanya.

Beliau berkata, Jalan Klang-

Banting pula adalah laluan utama dan memerlukan saliran yang baik untuk mengelakkan banjir kilat jika hujan lebat.

"Amat menyedihkan kerana ada deretan kedai beberapa meter dari longkang berkenaan sekali gus perniagaan mereka akan terjejas beriku-

“Kes demam denggi juga semakin serius sekarang tetapi itu langsung tidak dijadikan pengajaran, mungkin ahli keluarga mereka belum dijangkiti penyakit berkenaan”

Mohd Farid Firdaus
Penduduk

tan sikap tidak bertanggungjawab segelintir individu itu," katanya.

Seorang pekerja swasta yang hanya mahu dikenali sebagai

Kamil berkata, jika masyarakat tidak mengubah sikap dan suka mengambil jalan mudah dengan membuang sampah ke dalam longkang, masalah itu tidak akan selesai.

Beliau berkata, pihak berkuasa mungkin boleh membersihkannya selepas aduan dilakukan tetapi perkara itu akan berulang jika masyarakat tetap tidak mengubah sikap.

Seorang peniaga makanan berdekatan yang enggan dikenali berkata, pelanggan ke kedainya merungut kerana busuk dari longkang itu.

"Hendak tegur jangan buang sampah di situ takut orang marah pada kita. Apa yang saya mampu buat, jika berkesempatan, saya akan membersihkan bahagian longkang dipenuhi sampah.

"Tetapi, tidak bermakna jika hanya kita saja yang mahu jaga kebersihan sedangkan orang lain tiada kesedaran," katanya.